



Penganjur-penganjur Melayu yang telah menghadiri Kongres Pemuda Melayu Se-Malaya yang bersejarah itu. Dari kiri: Doktor Hamzah Bin Hāji Tīb, Doktor Burhānuddīn, Dato' Onn Bin Ja'far, dan Dato' Panglima orang kuat PEMAS.

KEUNTUNGAN SIAPA?

(Oleh Musyfa')

Saya merasa jemu jelak tatkala membaca khabaran-khabaran yang disiarkan di dalam akhbar-akhbar Melayu di Malaya sekarang berkenaan dengan hal-hal siyasah Tanah Melayu pada masa ini kerana tiap-tiap suatu persekutuan politik mengangkat-angkat kemajuannya sendiri dan merendah-rendahkan parti-parti yang lain, samalah seperti periuk mengatakan kualiti hitam.

Bagi diri saya sendiri tidaklah saya percaya pada amnya akan orang-orang Cina walau yang diperanakan di Tanah Melayu berketurunan daripada semenjak tiba nenek moyang mereka itu masuk ke Tanah Melayu ini. Satu sahaja boleh difikirkan oleh orang-orang Melayu yang berfikiran sihat dan sempurna- siapakah yang telah menjadikan punca menyebabkan undang-undang darurat yang ada sekarang dijalankan dari semenjak tahun Masihi 1948 itu? Betul juga seorang berdua yang anak-anak Melayu dan lain-lain bangsa pun telah didapati bersekutu dengan kaum-kaum komunis itu, akan

tetapi jika disiasat dengan halusnya didapati ialah mereka yang bodoh dan sudah dihasut dan ditipu oleh orang-orang Cina komunis yang khianat kepada kerajaan Tanah Melayu dan orang-orang Melayu. Diterangkan lagi, ada pun pertanyaan yang disebutkan tadi ialah berkenaan dengan "punca undang-undang darurat", bukan yang lain!

Walaupun bagaimanapun, MCA bernasib baik telah berjaya dapat berikat berjanji bekerjasama dengan suatu pertubuhan Melayu yang besar dan masyhur di Malaya ini supaya kelak dapat memeluk kemerdekaan Tanah Melayu, tetapi siapakah kelak akan merasa lemak manis madu kemerdekaan itu? Dan siapakah kelak akan merasa pahit peria dan sengsara kecelakaan itu?

Seorang pengarang akhbar Melayu berkata di dalam ruangan rencananya: "Kalau antan dan lesung bertelagah, ayam juga yang kenyang- jikalau ayam serban berlaga, musang pula beruntung" saya sangat setuju dengan kata-kata yang demikian, kerana patut dan bertepatan.